

# Syarahana Rais perjelas konsep, aspirasi gagasan 1 Malaysia

UB 23/05/2012 AB

Oleh HENRY BATING  
hbating@gmail.com

KOTA KINABALU: Syarahan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim mengenai 'Pembentukan Jati diri dalam kalangan mahasiswa' di Universiti Malaysia Sabah (UMS) minggu lalu berjaya memperjelaskan bukan sahaja konsep gagasan 1 Malaysia tetapi juga aspirasi di sebalik gagasan itu.

Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur ketika mengulas syarahan itu menyatakan intipati yang disampaikan amat penting dalam memberikan kesedaran kepada kalangan mahasiswa untuk terus memupuk perpaduan dan rasa muhibah warga kampus berbilang kaum.

"Mahasiswa yang dipandang sebagai golongan intelektual oleh masyarakat adalah aset penting kepada pembangunan dan kesejahteraan negara

dan seharusnya tidak terpengaruh dengan pelbagai dakwah dan hasutan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Prof Madya Datin Dr Mariam Abd Latip yang mewakili Naib Canselor UMS sempena syarahan itu berharap agar kalangan tenaga akademik dan pelajar dapat menyerap pengetahuan tentang konsep 1 Malaysia dan juga aspirasi yang tersirat di dalam konsep itu.

Sementara itu, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS Prof Madya Dr Ismail Ali yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penganjur berkata syarahan itu menjadi pemangkin kepada usaha UMS memperkukuhkan pembentukan jati diri mahasiswa dalam memantapkan agenda pembentukan negara bangsa.

"Kita juga mengadakan majlis syarahan itu bagi mendukung usaha melahirkan modal insan yang bersifat holistik dan berguna kepada negara, bangsa dan agama," katanya sambil menambah kalangan mahasiswa pada hari ini perlu diberi penjelasan secukupnya tentang aspirasi sebenar Gagasan 1 Malaysia.

Menurutnya, gagasan itu bukan sekadar satu gagasan politik tetapi merupakan satu gagasan yang bersifat merentasi sempadan bangsa, agama dan ideologi.

Dalam syarahannya, Rais menyatakan betapa perlunya rakyat negara ini memahami dan menghayati gagasan 1 Malaysia secara positif dan terbuka dalam

usaha membentuk jati diri di kalangan mahasiswa.

Katanya, gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri pada tahun 2009 telah membuahkan hasil apabila meningkatnya usaha mewujudkan perpaduan dan persefahaman dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum di Malaysia.



RAIS menerima cendera kenangan yang disampaikan Dr Mariam sambil diperhatikan Dr Ismail.